

**KONSEP JIHAD DALAM ISLAM: SUATU KAJIAN ANALISIS
KANDUNGAN TEKS BERKENAAN FAKTOR-FAKTOR YANG
MEMPENGARUHI SALAH FAHAM TERHADAPNYA**
*(The Concept of Jihad in Islam: A Textual Content Analysis on the Factors
Influencing Misunderstandings About It)*

¹IZHAM HAKIMI REDZAN*

²MUHAMMAD HILMI JALIL

³MOHD HIDAYAT MAHADI

⁴MARIYAM BENHADDU

¹ Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

²Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bandar Baru Bangi, Selangor,
Malaysia

³Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450 Shah Alam, Selangor

⁴Faculty of Arts and Human Sciences, Muhammed V University, United Nations Avenue-
Agdal, 10090 Rabat Morocco

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan pemahaman terhadap konsep jihad serta faktor-faktor yang menyumbang kepada salah tafsir terhadap konsep tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif deskriptif melalui pendekatan induktif bagi menganalisis data dokumentasi dengan penekanan khusus terhadap penyelidikan berbentuk korelasi. Antara faktor utama yang menyebabkan Islam disalahertikan sebagai agama yang mempromosikan keganasan ialah penyalahgunaan nama Islam oleh kumpulan ekstremis dalam melaksanakan aktiviti keganasan. Artikel ini turut mengkritik segelintir pihak yang menyalahgunakan istilah jihad demi kepentingan peribadi, yang secara jelas bertentangan dengan ajaran sebenar Islam. Selain itu, artikel ini menekankan bahawa Islam adalah agama yang menjunjung kedamaian

*Corresponding author: Izham Hakimi Redzan, Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia, email: izhamhakimi@ukm.edu.my

Diserahkan: 1 Julai 2025

Diterima: 20 Ogos 2025

DOI: <https://doi.org/10.17576/JH-2025-1702-06>

dan keharmonian, sebagaimana yang digariskan dalam al-Quran dan Hadis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa golongan ekstremis ini mempunyai pemahaman yang cetek dan literal terhadap nas-nas syariat, serta jauh menyimpang daripada kerangka pemahaman perundangan Islam yang sebenar.

Katakunci: Islam; jihad; salah faham; faktor-faktor; kajian teks

ABSTARCT

This article discusses the understanding of the concept of jihad and the factors that contribute to its misinterpretation. The study employs a descriptive qualitative analysis using an inductive approach to examine documentary data, with a particular focus on correlational research. One of the main factors leading to the misconception that Islam promotes violence is the misuse of the name of Islam by extremist groups in carrying out acts of terrorism. This article also critiques certain individuals who exploit the term jihad for personal gain, which clearly contradicts the true teachings of Islam. Furthermore, the article emphasizes that Islam is a religion that upholds peace and harmony, as outlined in the Qur'an and Hadith. The findings of the study reveal that these extremist groups possess a shallow and literal understanding of the scriptural texts and deviate significantly from the true framework of Islamic legal interpretation.

Keywords: *Islam; jihad; misunderstanding; factors; textual study.*

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan damai. Malaysia juga telah menjadikan Islam sebagai agama rasmi, tetapi agama-agama lain yang dianuti oleh penduduknya boleh sahaja diamalkan dengan aman sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Tetapi, peristiwa pada 29 Jun 2016 telah menggemparkan Malaysia di mana Malaysia telah mengalami serangan pengganas di sebuah kelab malam di Puchong Selangor. Serangan ini dipercayai mempunyai kaitan dengan penyokong kumpulan ekstrimis *Islamic State in Syria and Iraq* atau dikenali sebagai ISIS. Serangan ini telah memberikan impak yang negatif terhadap Malaysia, lebih-lebih lagi apabila Malaysia mempunyai penganut agama Islam yang majoriti.

Secara realiti, Islam telah mengenalpasti bahawa perbuatan keganasan atau *terrorisme* adalah satu perbuatan yang mencemarkan keindahan dan kesucian agama Islam. Apabila agama Islam dikaitkan dengan aktiviti keganasan, maka fahaman ekstrimis ini telah menimbulkan perasaan resah dan gelisah dalam kalangan umat

Islam keseluruhannya (Syaidatun Nazirah et al 2020). Secara tidak langsung, ia telah memberikan imej yang buruk terhadap penganut agama Islam itu sendiri. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum serta agama. Berikutan agama Islam telah dilabelkan sebagai agama yang terkait mempromosikan aktiviti keganasan, maka Malaysia turut terkena tempiasnya. Sejak peristiwa 11 September 2001, terdapat pelbagai badan-badan yang diiktiraf sebagai pengganas oleh pasukan keselamatan Eropah atau di Asia. Selain daripada al-Qaeda, terdapat juga persatuan Boko Haram, *Jihad Islami*, *The Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS), Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) dan Abu Sayyaf.

Sejak kejadian 11 September 2001 yang lalu Dunia Barat telah berusaha sedaya upaya untuk menggambarkan bahawa agama Islam adalah agama bersifat *jihadist* dan *terrorist* (pengganas) dengan mengaitkan satu kumpulan yang menisbahkan diri mereka kepada Islam. Gambaran ini menjadi lebih buruk lagi apabila lahirnya kumpulan yang dikenali sebagai ISIS pada April 2013 dan sebelum itu al-Qaeda yang mendakwa apa yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan ini adalah sesuai dengan tuntutan agama Islam.

Apa yang ingin dibincangkan dalam artikel ini juga akan menjawab dakwaan terhadap golongan-golongan pelampau ini dengan membuktikan apa yang dilakukan adalah sama sekali tidak ada kaitan dengan agama Islam walaupun sedikit. Tambah pula, apa yang dilakukan oleh golongan pengganas ini cuba diperbesarkan dan dikaitkan oleh media barat dengan agama Islam sehinggalah lahirnya persepsi *Islamophobia* daripada masyarakat bukan Islam di seluruh dunia.

Menariknya, kesemua kumpulan ini menggunakan istilah jihad sebagaimana yang terdapat di dalam al-Quran untuk menghalalkan perjuangan gerakan mereka. Justeru, artikel ini akan menganalisa definisi jihad dalam usaha mencari maksud sebenar istilah jihad sebagaimana yang terkandung di dalam kitab al-Quran dan Hadis, maksud jihad sebagaimana yang difahami oleh golongan ekstrimis, serta sejauh mana fungsi Islam dalam konteks pemahamannya terhadap maksud jihad.

Apa yang boleh dilihat, antara perkara yang disalah difahami oleh golongan pelampau ini adalah pemahaman mereka terhadap konsep jihad yang difahami dengan pemahaman yang sangat cetek dan literal terhadap nas-nas al-Quran dan Hadis.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif. Dalam kajian ini, analisis dokumen telah dipilih memandangkan metodenya yang bersifat spesifik dan terfokus iaitu mengkaji faktor-faktor berlakunya jihad. Berdasarkan metod ini, permasalahan dan

persoalan sesuatu fenomena melalui data penulisan yang telah dipilih dan dikaji secara mendalam (Jasmi, K. A. 2012). Data kajian ini menggunakan data primer dan juga data sekunder. Data-data ini dikutip dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Data primer ialah data asli yang diperolehi daripada sumber pertama. Data sumber pertama dalam kajian ini merujuk kepada buku-buku dan penulisan-penulisan berkenaan dengan jihad, konsepnya dan salah fahaman terhadapnya. Manakala data sekunder pula ialah data yang diperolehi daripada buku-buku dan artikel-artikel yang telah ditulis oleh para sarjana dan lain-lain yang biasanya diperolehi daripada perpustakaan dan juga laman sesawang.

Untuk memahami dan menganalisis istilah jihad dalam konteks al-Quran dan Hadis, rujukan telah dibuat terhadap kitab *Laṭā'if al-Ishārāt* karangan Abdul Karīm bin Hawāzin al-Qushairī, kitab *Sunan at-Tirmīzī* karangan Abū 'Īsā Muhammad bin 'Īsā bin Saurah at-Tirmīzī, kitab *al-Mustadrak 'alā aṣ-Ṣaḥīḥain* karangan Abu Abdillah al-Ḥākim an-Naisābūrī, kitab *Sunan Abī Daud* karangan Abu Daud, kitab *al-Muwāfaqāt* karangan Abu Ishāq al-Shātibī, kitab *Tārikh at-Tabārī* karangan Abū Ja'far Muhammad bin Jarīr at-Tabārī, kitab *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl al-Qur'ān* karangan Abū Ja'far Muhammad bin Jarīr at-Tabārī. Kesemua dokumen ini diambil dari buku, dokumen rasmi, *Web of Sciences*, *Scopus* dan juga dari *Google Respiratory*.

HASIL DAN PERBINCANGAN

JIHAD DAN ISLAM

Jihad seperti yang ditakrifkan oleh ar-Rāghib al-Aṣfahānī (w.502H) adalah memerah keringat dan kekuatan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Ia boleh dibahagikan kepada 3 jenis jihad:

Pertama: Jihad menghadapi musuh yang zahir samada dengan mendirikan hujah ke atas mereka ataupun perang dengan menggunakan senjata.

Kedua: Jihad mmenghadapi nafsu.

Ketiga: Jihad menghadapi syaitan (Murtaḍā al-Zabīdī t.th).

Adapun menurut Sheikh Aḥmad Ṭayyib perkataan “جُرْب” yang bermaksud pembunuhan disebutkan di dalam al-Quran sebanyak 4 kali. Manakala perkataan "جِهَاد" pula disebutkan sebanyak 32 kali. Apa yang dapat dilihat melalui konteks al-Quran, sesungguhnya perkataan jihad di dalam al-Quran tidak semestinya jika disebut membawa maksud kumpulan askar dalam keadaan bersenjata, bahkan kadang-kadang perkataan jihad membawa maksud yang berbeza dengan pemahaman yang disebutkan seperti:

- Jihad melawan hawa nafsu.
- Jihad membersihkan diri daripada akhlak-akhlak yang buruk.
- Jihad menghadapi syaitan.
- Jihad menggadaikan roh, diri dan mati di jalan Allah SWT.
- Jihad di jalan Allah SWT dengan mengorbankan harta benda.
- Jihad di jalan Allah SWT dengan menggunakan hujah dan *al-Burhān*.
- Jihad menggunakan al-Quran dengan bersenjatakan ayat-ayatnya, hikmah yang ada di dalamnya dan bukti-bukti pancaindera (*al-Hissīyyah*) dan maknawi yang terkandung di dalam al-Quran. (Ahmad at-Tayyib 2019).

Menurut Sheikh Ahmad Tayyib juga, jihad untuk melawan nafsu di dalam Islam itu adalah lebih tinggi darjatnya daripada jihad menempuh musuh. Hal ini kerana sesiapa yang gagal untuk mendepani musuh nafsu yang berada bersama dirinya, sudah tentu tidak mampu untuk mendepani musuh yang berada di medan perang. Berdasarkan pemerhatian beliau, dianggap jihad melawan nafsu lebih tinggi darjatnya daripada jihad melawan musuh (Ahmad at-Tayyib 2019). Ini dikuatkan lagi dengan beberapa hadis yang diriwayatkan oleh baginda Nabi SAW dalam sabdanya:

Seorang yang berjihad adalah orang yang berjuang melawan nafsunya dalam ketaatan kepada Allah dan seorang yang berhijrah adalah orang yang meninggalkan dosa-dosa dan maksiat (HR Ahmad. 2001. no.23958).

Di dalam hadis yang lain, Nabi SAW bersabda:

Sebaik-baik jihad adalah kamu berjuang melawan dirimu dan nafsumu di jalan Allah yang Maha Mulia lagi Maha Tinggi (HR Abū Nu‘aīm. 1974. no.185).

FALSAFAH JIHAD PEPERANGAN DALAM AGAMA ISLAM

Apa yang dapat disimpulkan daripada perbahasan yang lepas, antara sebab diizinkan umat Islam berjihad dan berperang pada awal disyariatkan jihad adalah untuk mempertahankan diri daripada musuh. Ini kerana umat Islam pada waktu tersebut dizalimi, dikeluarkan daripada rumah dan harta-harta mereka dirampas oleh golongan kafir Quraish.

Oleh yang demikian, kekafiran sahaja tanpa wujudnya permusuhan sepertimana yang telah disebutkan dalam al-Quran bukanlah sebab diharuskan untuk berjihad dan berperang. Hal ini kerana al-Quran sendiri telah menjelaskan berkenaan kebebasan dalam beragama bagi orang yang bukan Islam dan tidak ada paksaan ke atas mereka untuk memeluk agama Islam. Oleh yang demikian, mustahil diizinkan untuk berjihad disebabkan kekufuran yang ada pada orang bukan Islam. Firman Allah SWT (al- Kahf 18:29) yang bermaksud:

Maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya.

Jika kekufuran adalah sebab kepada peperangan maka suatu percanggahan akan berlaku dalam al-Quran yang mana Islam membolehkan kebebasan beragama dan dalam masa yang sama menyuruh memerangi golongan bukan Islam disebabkan kekufuran mereka. Adapun percanggahan antara ayat-ayat al-Quran itu adalah perkara yang mustahil berlaku. Mustahil dari segi akal *kalam Allah* (al-Quran) berlakunya percanggahan antara satu sama lain kerana ia tidak menunjukkan kepada sifat kesempurnaan Allah SWT.

Oleh yang demikian, para ulama telah bersepakat bahawa sebab disyariatkan peperangan dan jihad adalah permusuhan dan kezaliman, bukanlah kekufuran. Perkara ini dapat difahami berdasarkan firman Allah SWT (al-Hajj 22:29) yang bermaksud:

Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).

Perkara ini dapat dilihat juga bagaimana Rasulullah SAW ketika mana baginda telah membuka kota Mekah walaupun pada dahulunya kaum Muslimin dalam keadaan tertekan, diseksa, dizalimi, diceroboh harta mereka, dikenakan sekatan ekonomi dan lain-lain. Walaupun begitu, Nabi SAW tidak membuka kota Mekah dengan menumpahkan darah, bahkan baginda Nabi SAW bersabda:

Wahai masyarakat Quraisy! Katakanlah apa yang aku akan lakukan pada kalian. Maka berkata Quraisy (kepada Rasulullah SAW): Engkau akan melakukan kebaikan ke atas kami, engkau saudara kami yang mulia dan anak kepada saudara kami yang mulia. Maka berkata (Nabi SAW): Pergilah kalian semua, kalian sekarang bebas (al-Tabārī 1967).

Ada pihak mempersoalkan berkenaan firman Allah SWT dalam surah al-Taubah bahawa zahir ayat ini menunjukkan ajakan memerangi orang bukan Islam, sepertimana firman Allah SWT (al-Tawbah 9: 29) yang bermaksud:

Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar *jizyah* dengan keadaan taat dan merendah diri.

Jawapan kepada dakwaan ini adalah apa yang dimaksudkan dengan “berperang dengan golongan yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat” bukan semua jenis golongan ini. Akan tetapi, yang dimaksudkan ialah golongan Rom yang sentiasa memusuhi dan bersedia untuk memerangi kerajaan baru di sekelilingnya. Apa yang dimaksudkan di dalam ayat ini daripada golongan Rom ialah Empayar Rom yang berada di utara Tanah Semenanjung Arab pada waktu tersebut dan bukan dimaksudkan semua golongan Ahli Kitab, serta bukan golongan bukan Islam selagi mana mereka tidak memerangi kerajaan Islam. Oleh yang demikian, berlakunya peperangan Tabūk yang merupakan peperangan antara kaum muslimin dan Rom di tanah Syam dan ia juga adalah merupakan peperangan terakhir Rasulullah SAW.

Selain itu, jika dimaksudkan dalam ayat ini “semua golongan yang tidak beriman dengan Allah SWT”, maka perkara ini akan menjadi percanggahan dengan ayat al-Quran yang telah difirmankan oleh Allah SWT bahawasanya diberikan kebebasan kepada manusia beriman dengan-Nya ataupun untuk tidak beriman dengan-Nya dan sesungguhnya tidak ada paksaan di dalam beragama.

Begitu juga, lafaz “فَاتِلُوا” sepertimana dalam ayat yang disebutkan menunjukkan sifat golongan yang perlu diperangi daripada golongan bukan Islam yakni golongan Rom yang memerangi golongan Islam. Oleh yang demikian, jihad yang disebutkan dalam ayat itu ialah *jihad al-daf‘* (jihad mempertahankan diri daripada musuh).

Selain itu, lafaz “فَاتِلُوا” juga menunjukkan kepada makna “perangilah golongan yang bukan Islam yang memerangi kamu”, yakni bukan semua golongan bukan Islam pada waktu tersebut memerangi Nabi SAW. Maka telah jelaslah makna di situ bahawa golongan bukan Islam yang memerangi kaum Muslimin ialah kerajaan Kristian Rom di Syria yang berada di utara Semenanjung Tanah Arab.

Begitu juga, ayat al-Quran yang telah disebutkan (al-Tawbah 9:29) menunjukkan bahawa jika golongan Rom memberhentikan peperangan dan permusuhan, maka

perlu ke atas mereka (Kerajaan Rom) untuk membayar *jizyah* sebagai tanda ketaatan. Mereka juga boleh untuk berada dalam agama yang mereka anuti. Jikalau peperangan dan jihad itu disyariatkan kerana kekufuran dan tidak beriman kepada Allah SWT sepertimana yang difahami oleh golongan radikal, maka peperangan tidak akan berhenti dengan pembayaran *jizyah* daripada pihak musuh kepada negara Islam. Oleh yang demikian, peperangan tidak boleh diberhentikan sehinggalah golongan Ahli Kitab menganuti agama Islam. Sudah jelas tafsiran ini sendiri menyalahi zahir yang telah disebutkan dalam ayat itu (al-Tawbah 9:29).

PEPERANGAN DAN JIHAD ADALAH IJTIHAD PEMIMPIN NEGARA

Agama Islam juga telah menetapkan bahawa jihad dan peperangan ialah hak *ijtihad al-Imam* (pemimpin negara). Oleh yang demikian, masyarakat perlu mentaati keputusan pemimpin negara dalam memutuskan peperangan ataupun tidak. Hal ini kerana keizinan pemimpin dalam memutuskan jihad ataupun peperangan dapat mengelakkan kecelaruan dan huru-hara tanpa dapat mengkaji dahulu kekuatan musuh, keadaan peperangan dan kekuatan ketenteraan para pejuang ketenteraan (Ibn al-Qudāmah 1968).

Begitu juga keluar untuk berperang tanpa izin pemimpin negara boleh membawa *mafsadah* (kerosakan) kepada negara Islam seperti yang disebutkan oleh Imam al-Māzarī (w. 536H/1141M):

Sesungguhnya keluar berperang tanpa izin Imam (pemimpin negara) dengan berpegang kepada pendapat beberapa orang boleh membawa kelemahan kepada umat Islam. Perkara ini juga boleh meluaskan pergerakan musuh dan meluaskan daerah peperangan yang tidak dapat untuk dikendalikan oleh tentera Islam (untuk mengembalikan ketenteraman dan keamanan negara Islam (Izham Hakimi 2023).

Begitu juga dalam undang-undang peperangan Islam, para ulama membahaskan jika ada kumpulan kecil daripada tentera (pengintip) yang keluar tanpa izin pemimpin, pemimpin boleh untuk mengambil harta rampasan perang tersebut daripada kumpulan tentera ini. Berkata Imam al-Māzarī:

Telah berpendapat beberapa ulama dalam mazhab Maliki bahawasanya jika ada sekumpulan kecil tentera keluar berperang tanpa izin Imam (pemimpin) yang mana kumpulan ini sedikit bilangannya yang boleh membawa bahaya kepada mereka untuk menghadapi musuh, maka dibolehkan ke atas Imam untuk mengambil harta rampasan perang mereka kerana mereka tidak meminta izin Imam sebelum keluar untuk

berjihad dan dihukum menggunakan kaedah (di dalam ilmu *fiqh*):
(Barang siapa yang gopoh untuk mendapatkan sesuatu sebelum tiba masanya, maka perkara itu haram baginya) (Izham Hakimi 2023).

Di sini, kita dapat melihat bagaimana peranan pemimpin negara dalam menentukan peperangan dan bagaimana pemahaman sebenar dalam memahami perundangan Islam berkenaan jihad.

Sebaliknya, golongan radikal yang mendakwa apa yang dilakukan oleh mereka ialah jihad. Contohnya golongan ISIS di Syria dan Iraq berkata bahawasanya disyariatkan jihad untuk menjatuhkan pemimpin Islam yang zalim. Pemahaman seperti ini ia adalah pemahaman konsep jihad yang salah dan menyeleweng. Berkata Sheikh Said Ramadhan al-Būṭī (w. 1434H/2013M):

Namun adakah seorang yang cerdik dan berakal waras sanggup menjual atau memusnahkan negara ini (Syria) semata-mata untuk membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pihak kerajaan? Apakah kamu berharap dapat membetulkan kesalahan-kesalahan pihak kerajaan, tetapi pada masa yang sama kamu telah hilang sebuah negara yang bernama Syria yang bersejarah ini? Sepatutnya kamu boleh memberi bantuan kewangan kepada orang yang susah dan mendamaikan pihak yang bertelagah. Kewajipan sekarang adalah memberi bantuan pertolongan atau sumbangan yang diperlukan (JAKIM t.th).

UNDANG-UNDANG PEPERANGAN DALAM ISLAM

Agama Islam berkembang di tengah-tengah permusuhan yang berlaku antara dua empayar besar dunia (Rom dan Parsi). Hikmah perkembangan agama Islam pada waktu ini adalah bertujuan untuk meletakkan asas kemanusiaan dalam peperangan dan undang-undang peperangan yang benar, antaranya:

1. Islam meletakkan undang-undang bila bermulanya peperangan.
2. Islam meletakkan undang-undang cara peperangan.
3. Islam mensyariatkan gencatan senjata, bila bermula dan bila pula perlu ditamatkan.
4. Islam mengasaskan hak-hak tawanan perang.
5. Islam mengasaskan hak-hak golongan *musta'manīn* dan *mu'āhidīn*.
6. Islam mengasaskan hak-hak ahli *zimmah*.
7. Islam juga mengasaskan undang-undang cara pembahagian harta rampasan perang.

Melihat kepada undang-undang yang telah disebutkan, kita dapat melihat bagaimana agama Islam meletakkan undang-undang yang sempurna berkenaan peperangan dengan meraikan hak asasi manusia dan keadilan yang bertujuan membetulkan undang-undang peperangan yang terdahulu (Ahmad al-Tayyib 2016).

KONSEP JIHAD MELAWAN MUSUH DI DALAM SYARIAT ISLAM

Lafaz jihad yang bermaksud berperang dengan musuh yang disebut dalam al-Quran ataupun hadis tidak datang kecuali atas wazan *المُفَاعَلَة* yang bermaksud *الْمُشَارَكَة* (perbuatan yang berlaku diantara dua belah pihak). Apa yang dapat difahami, jihad yang disyariatkan adalah *jihād ad-dafʿ*, iaitu jihad mempertahankan diri daripada musuh sepertimana yang dapat dilihat bagai mana keadaan umat Islam di Madinah dibelenggu dan diperangi oleh musuh-musuh mereka golongan musyrikin dan golongan Yahudi. Oleh yang demikian, Allah SWT mengizinkan orang Islam untuk berperang bertujuan mempertahankan diri mereka daripada terancam seperti mana dirakamkan di dalam surah (al-Baqarah 2: 190) yang bermaksud:

Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh.

Begitu juga lafaz sebuah hadis yang menggunakan *mufāʿalah* menjelaskan bahawa jihad disyariatkan adalah menunjukkan kepada makna *jihād al-dafʿ* seperti dalam sabda Nabi SAW:

Aku diperintahkan untuk memerangi manusia (Musyrikin Mekah) hingga mereka bersaksi bahwa tidak ada sesembahan yang hak selain Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat. Maka, apabila mereka telah melakukan itu semua, maka mereka telah melindungi darah mereka dan harta mereka dariku, kecuali dengan hak Islam dan perhitungan mereka (hisab) di sisi Allah SWT (HR al-Bukhārī.1987. no.2786).

Sebahagian daripada golongan radikal memahami daripada lafaz hadis ini bahawasanya Nabi SAW diperintahkan dan diutuskan untuk memerangi seluruh umat manusia. Dalam erti kata lain, agama Islam ialah agama pembunuhan dan peperangan seperti mana yang digambarkan oleh masyarakat Barat. Ini ialah satu kefahaman yang salah. Hal ini kerana lafaz hadis tersebut diriwayatkan dengan lafaz “قَاتِلْ” bukan lafaz “قَتِّلْ”. Selain itu, nas-nas syariah yang lain menunjukkan bahawa apa yang difahami oleh golongan pelampau ini ialah pemahaman yang salah dengan melihat kepada beberapa perkara:

1. Diriwayatkan dalam Sahih Imam al-Bukhari bahawa ketika Rasulullah SAW wafat, baju besi Baginda masih tergadai pada seorang Yahudi bagi membeli tiga puluh cupak gandum (HR al-Bukhārī 1987 no 4197). Apa yang dipersoalkan di sini, bagaimana hubungan Nabi SAW dengan orang Yahudi ini berterusan sehinggalah baginda wafat jika agama yang dibawa oleh Nabi SAW ialah agama pembunuhan dan agama yang asasnya peperangan?
2. Jika yang difahami bahawa agama Islam hanya berinteraksi dengan golongan bukan Islam hanya dengan pedang dan peperangan, bagaimana pula dengan pesanan baginda Nabi SAW terhadap golongan Yahudi dan Nasrani, begitu juga pesanan baginda ketika berperang supaya tidak membunuh golongan bukan Islam seperti golongan kanak-kanak, wanita, orang tua, ahli-ahli ibadat yang berada di dalam tempat ibadat mereka. Walhal, kewujudan golongan ini dapat meneruskan keberadaan agama mereka?
3. Jika agama Islam merupakan agama yang asasnya menggalakkan pembunuhan dan tidak menganggap kewujudan selain agama Islam, maka bagaimana pula dalam syariat agama Islam yang membolehkan untuk orang Islam berkahwin dengan perempuan-perempuan Ahli Kitab. Bagaimana pula boleh digambarkan pada zaman dahulu perkahwinan orang Islam dengan perempuan-perempuan Ahli Kitab jika tidak wujudnya golongan Ahli Kitab dalam komuniti masyarakat Islam?
4. Jika benarlah agama Islam menjadikan peperangan sebagai asas agama sepertimana yang digambarkan oleh golongan pelampau, maka bagaimana pula kisah Nabi SAW berpesan kepada umat Islam supaya menjaga kebun-kebun tamar orang Yahudi di Khaibar?
5. Bagaimana wasiat Nabi SAW terhadap golongan *al-Aqbāt* (penganut-penganut agama Kristian) di Mesir?
6. Bagaimana masyarakat bukan Islam boleh terus hidup harmoni bersama masyarakat Islam di bawah pemerintahan negeri-negeri Islam sepanjang zaman seperti di Baghdad, negeri-negeri Syam dan Andalusia?
7. Jika agama Islam merupakan agama *terrorist* dan pengganas, maka bagaimana pula golongan bukan Islam yang tinggal di negara Islam dibenarkan ke atas mereka untuk memilih agama Islam ataupun agama mereka untuk dianuti. Jika mereka memilih agama mereka untuk dianuti, mereka diperbolehkan ke atas mereka untuk mengamalkan agama tersebut dengan bebas dan rumah ibadah tidak boleh dirobuhkan dan dimusnahkan?

Maka, persoalan-persoalan ini jelas menunjukkan bahawa agama Islam ialah agama yang berdiri berasaskan keamanan dan *al-ta'āyush* (kehidupan bersama). Agama Islam jauh daripada pemikiran ekstrem dalam memahami agama (Muṣṭafā bin Ḥamzah 2010).

Selain itu, hadis yang disebutkan (Aku diperintahkan untuk memerangi manusia...) perlu dilihat dari sudut Bahasa Arab dan konteksnya:

Pertama: lafaz hadis “أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ” iaitu aku diperintahkan. Para ulama mengatakan bahawa ini ialah *khiṭāb* (arahan) kepada Nabi SAW sahaja, bukan kepada umatnya. Maka hukum ini ialah khusus kepada Nabi SAW bukan umum kepada umatnya. Jikalau *khiṭāb* ini atau arahan ini kepada umum masyarakat Islam, maka *khiṭāb* ini akan datang dengan lafaz “أَمَرْنَا” ataupun lafaz “أَمَرْنَا اللَّهَ”.

Kedua: lafaz hadis “أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ” disyariatkan ke atas Nabi SAW berperang adalah untuk mempertahankan diri daripada musuh. Apabila kita menyingkap sirah Nabi SAW sama ada ketika mana baginda di Mekah ataupun di Madinah, kaum Muslimin ditekan dan dizalimi oleh golongan kafir Quraisy. Ini dapat dilihat daripada beberapa aspek:

1. Orang Islam di Mekah dikenakan genjatan ekonomi dan diboikot barangan jualan mereka.
2. Orang Islam di Mekah ditindas dan diseksa.
3. Perang Badar yang berlaku di Madinah yang merupakan perang pertama dalam Islam adalah untuk mempertahankan diri mereka. Tujuan orang Islam keluar ke pinggir Madinah (Badar) pada awalnya adalah untuk menuntut semula harta yang ditinggalkan oleh orang Islam di Mekah yang telah didagangkan oleh Quraisy di Syam. Sebaliknya, pihak kafir Quraisy menggunakan kesempatan hasil keuntungan dagangan ini untuk memerangi orang Islam di Madinah.
4. Di Madinah, berlaku peperangan Uhud. Uhud merupakan kawasan berhampiran dengan Madinah hampir 10 kilometer.
5. Di Madinah, berlaku peperangan Khandaq yang mana sejarah telah mencatatkan bahawa masyarakat Yahudi di Madinah telah bersepakat dan bersubahat bersama kafir Quraisy untuk menawan kota Madinah (Ali Jum'ah 2024).

Apabila Nabi SAW sampai ke Madinah, Allah SWT mensyariatkan peperangan untuk mempertahankan diri daripada belenggu musuh sepertimana yang telah

disebutkan. Oleh yang demikian Nabi SAW bersabda: (Aku diperintahkan untuk memerangi manusia...) (HR al-Bukhārī. 1987. no. 2786).

Ketiga: perkataan “الناس” (manusia) dalam hadis yang disebutkan bukanlah bermaksud denganya seluruh manusia. Akan tetapi maksudnya ialah ‘kafir Quraisy’ (Ali Jum‘ah 2024). Gaya bahasa ini dikenali dalam bahasa sebagai العام أريد به الخصوص, iaitu suatu lafaz yang umum, maknanya zahir bukan yang dimaksudkan dengannya, akan tetapi maksudnya adalah lafaz yang khusus. Jika yang dimaksudkan dengan “الناس” adalah semua golongan manusia, maka akan berlaku pencanggahan dengan hadis yang lain diriwayatkan oleh Nabi SAW bahawa baginda mengarahkan untuk tidak berperang dengan golongan Habsyah seperti di dalam sabda baginda:

(Janganlah kamu memerangi golongan Habsyah (orang Kristian di Ethiopia) selagi mana mereka tidak memerangi kamu) (HR Abu Daud. 2009. no. 4309)

GENCATAN SENJATA SALAH SATU DARIPADA KONSEP JIHAD DALAM ISLAM

Peperangan dan mengangkat senjata bukanlah satu-satunya jalan menyelesaikan masalah. Dalam konsep jihad dalam agama Islam, *al-hudnah* (gencatan senjata) juga salah satu daripada strategi peperangan untuk mendapatkan kemenangan. Perkara ini boleh kita hayati daripada kisah *sulh al-Hudaibiyah* pada tahun ke-6 Hijrah yang termaktub dalam sirah Nabawi bagaimana 10 tahun genjatan senjata antara kaum muslimin dan kafir Quraisy yang yang akhirnya telah membawa kepada pembukaan kota Mekah pada tahun ke-8 Hijrah. Seterusnya, *al-hudnah* ini juga telah membawa kepada keIslaman semua masyarakat di Tanah Arab. Setelah perjanjian *al-Hudaibiyah*, Allah SWT menjanjikan kepada Nabi Muhammad SAW kemenangan menerusi firman-Nya:

Demi sesungguhnya! Allah redha akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiyah); maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahuiNya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu Ia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka, dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya. Dan juga dengan banyak harta rampasan perang, yang mereka akan dapat mengambilnya. Dan (ingatlah), Allah adalah Maha kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Sebagai memuliakan orang-orang yang memberi pengakuan taat setianya di Hudaibiyah, Tuhan menunjukan firman-Nya kepada mereka): Allah menjanjikan kepada kamu harta rampasan yang banyak

yang kamu akan mengambilnya, lalu Ia menyegerakan untuk kamu harta rampasan perang ini, serta Dia telah menahan tangan manusia (pihak musuh di situ) daripada menyerang kamu; (Allah melakukan yang demikian supaya kamu beroleh manfaat) dan supaya menjadi tanda (yang membuktikan kebenaran janji-Nya) bagi orang-orang yang beriman, dan juga supaya Dia menambahkan kamu hidayah ke jalan yang lurus (al-Fath 48:18-20).

Selain itu, jika musuh menginginkan perdamaian, maka langkah ini perlu diutamakan. Ini kerana penumpahan darah itu lebih berat kesannya daripada genjatan senjata dan perdamaian. Ini kerana, Allah SWT berfirman (al-Anfal 8:68):

Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Ia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Adapun sebuah hadis yang diriwayatkan daripada sabdanya:

Demi Tuhan Yang mana nyawa aku di bawah qudrat-Nya, maka aku akan memerangi mereka (kafir Quraisy di Mekah), aku mensalibkan mereka, aku berusaha berhujah dengan mereka supaya mereka mendapatkan hidayah. Sesungguhnya Allah SWT mengutuskan aku dengan “Rahmat”. Begitu juga, aku tidak akan mati sehinggalah agama aku (Islam) jelas menyinar (di pelusuk alam). Aku memiliki lima nama; aku adalah *Muhammad* (yang dipuji) dan *Ahmad* (yang paling dipuji); aku juga *al-Māhī*, Allah menghapus kekufuran dengan mengutuskku; aku juga *al-Hashir* (yakni) manusia dikumpulkan di atas kakiku, dan aku juga *al-‘Āqib* (HR al-Ṭabarānī. 1994. No. 1529).

Para ulama menyebutkan bahawa hadis di sebutkan oleh Nabi SAW sebelum berlakunya perang Badar: Sebahagian daripada ulama pula berpendapat bahawa walaupun lafaz hadis ini diriwayatkan dengan wazan “قاتل”, akan tetapi maksud dalam hadis adalah keinginan Nabi SAW untuk melakukan perdamaian dengan golongan kafir Quraisy di Mekah.

DUA KONSEP JIHAD BERPERANG DENGAN MUSUH DALAM AGAMA ISLAM

Nabi SAW bersabda dalam sebuah hadis:

Syariat jihad ini akan berterusan bermula daripada hari aku diutuskan (sebagai Nabi) sehinggalah datang seorang (daripada umatku) membunuh Dajjal. Tidaklah pula syariat jihad ini terbatal disebabkan pemimpin yang zalim ataupun adil (HR Abū Daud. 2009. no. 2536).

Maksud jihad yang disebutkan dalam hadis ini merangkumi jihad melawan musuh zahir (peperangan), jihad nafsu dan jihad syaitan seperti mana yang telah disebutkan. Barangkali salah satu daripada maksud jihad ini, yakni jihad melawan musuh mungkin tidak berterusan pada setiap waktu disebabkan tidak ada sebab untuk berperang. Akan tetapi, jika kita melihat kepada jihad melawan nafsu dan syaitan, maka kedua-dua perkara ini merupakan perkara yang senantiasa dihadapi oleh setiap manusia. Maka jihad melawan nafsu dan syaitan berdasarkan konsep ini merupakan jihad yang berterusan sehingga akhir zaman. Hadis ini antara hadis yang disalah tafsir oleh golongan pelampau dalam memahami konsep jihad dalam agama Islam.

Adapun jihad dalam perbantuan ilmu fiqah ia adalah perbuatan memerah keringat menggunakan kekuatan diri dan harta demi untuk mengangkat kalimah Allah SWT (Sabri Haron 2017). Ia juga dikenali sebagai jihad berperang dengan musuh. Para ulama fiqah telah membahagikan konsep jihad ini secara umumnya kepada dua bahagian:

1. *Jihad al-Ṭalab*
2. *Jihad al-Dafʿ*

JIHAD AL-ṬALAB

Jihad al-ṭalab ialah perjalanan ke negeri orang bukan Islam untuk menyampaikan dakwah Islam dan menjelaskan gambarannya yang sebenar kepada orang bukan Islam. *Jihad al-ṭalab* disyariatkan atas beberapa tujuan, antaranya:

Pertama: Melindungi golongan *al-mustadʿafīn* (orang-orang yang lemah) daripada golongan kanak-kanak, wanita dan orang tua dan orang yang dibuang negerinya dengan apa yang telah ditetapkan dalam undang-undang Islam untuk menolak kemudaratan dan mendapat kemaslahatan umum. Firman Allah SWT (al-Anfal 8:39) yang bermaksud:

Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu seluruhnya (bebas) bagi Allah semata-mata.

Begitu juga di dalam surah al-Nisāʾ, firman Allah SWT (al-Nisaʾ 4:75) yang bermaksud:

Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Mekah) ini, yang penduduknya (kaum kafir mushrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh).

Kedua: Menyampaikan risalah Islam (dakwah Islam) tanpa memaksa golongan bukan Islam untuk menganut agama Islam. Firman Allah SWT (al-Baqarah 2:256) yang bermaksud:

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)

Begitu juga dalam surah al-Nūr, firman Allah SWT (al-Nur 24:54) yang bermaksud:

Dan (sebenarnya) Rasul Allah hanyalah bertanggungjawab menyampaikan perintah-perintah Allah dengan penjelasan yang terang nyata.

Allah SWT juga berfirman:

Tugasmu tidak lain hanyalah menyampaikan (apa yang diperintahkan kepadamu) (al-Quran 42:48) (Munazzamah al-Ta‘āwun 2021).

HUKUM JIHAD AL-ṬALAB

Hukum *jihad al-ṭalab* ialah *fardhu kifāyah* ke atas orang Islam. Maksud *fardhu kifāyah* ialah suatu perkara dalam agama Islam yang diwajibkan ke atas semua orang Islam, akan tetapi jika ditunaikan fardhu ini sebahagian daripada orang Islam maka gugurlah kefardhuannya bagi sebahagian yang lain.

Dari sudut yang lain, *fardhu kifāyah* adalah satu hukum yang dituntut untuk dilaksanakannya golongan yang berkekeluargaan terhadap tuntutan sesuatu *fardhu kifāyah*. Ini adalah seperti mana yang disebutkan oleh Imam al-Shatibī (w. 790H/1388M) dalam *al-Muwāfaqāt* (al-Shātībī 2017).

Dalam konteks jihad pula, apa yang disebutkan oleh Imam Shatibī adalah lebih sesuai dengan hadis yang diriwayatkan daripada Nabi SAW apabila Ibnu Umar

memohon kepada Nabi SAW untuk turut serta berperang pada kali pertama, maka baginda Nabi SAW tidak membenarkannya. Selepas itu, beliau memohon kali kedua kepada baginda Nabi SAW dan baginda Nabi SAW membenarkannya kerana meraikan keahlian Ibn Umar dalam peperangan. Ini seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar:

Aku telah memohon kepada Rasulullah SAW untuk berperang (bersama kaum Muslimin) pada peperangan Uhud yang mana waktu tersebut aku berumur 14 tahun, baginda Nabi tidak membenarkan aku. Setelah itu, aku memohon daripada baginda untuk berperang pada peperangan Khadaq -ketika itu aku berumur 15 tahun-baginda membenarkan) (HR Ibn Mājah 2009. no.2543).

Oleh yang demikian, jika berlaku di sesebuah negara seruan jihad dan peperangan khususnya *jihad al-ṭalab*, maka tidak semua lapisan masyarakat layak untuk mengikuti jihad. Hal ini kerana *khitāb taklif jihad* (kefarduan jihad) tersebut diwajibkan pada golongan yang berkelayakan, yang mana pada zaman sekarang ini dimaksudkan dengannya pasukan yang ditugaskan untuk menjaga keamanan negara seperti askar dan polis. Hal ini kerana *qudrah* (kemampuan) untuk berjihad dan berperang ialah syarat untuk membolehkan seseorang itu berperang sepertimana yang difahami daripada teks hadis.

***JIHAD AL-ṬALAB* DALAM SKOP ZAMAN SEKARANG**

Jihad al-ṭalab dalam konteks zaman sekarang sudah berubah dengan perubahan teknologi dan telekomunikasi maklumat yang merentas benua yang seolah-olah semua manusia di atas muka bumi hanya berada di dalam perkampungan kecil. Seperti yang telah disebutkan tadi, antara tujuan *jihad al-ṭalab* adalah menyampaikan risalah agama Islam kepada seluruh alam. Jesteru, peperangan bukanlah satu-satunya cara untuk menyampaikan risalah Islam (dakwah Islam) di mana dunia pada zaman sekarang sudah memberi kebebasan bersuara dan berdakwah keseluruh dunia dengan bermusafir dengan tanpa ada sebarang ancaman daripada musuh sebagai contoh. Begitu juga sumber-sumber media yang pelbagai yang diterjemahkan kepada beratus-ratus bahasa sudah cukup untuk menyampaikan pemahaman Islam dan risalah Islam yang sebenar (Munazzamah al-Ta‘āwun 2021).

Selain itu juga, *jihad al-ṭalab* pada awal perkembangan Islam di Tanah Arab yang berlaku adalah sesuai dengan keadaan negara-negara dan masyarakat pada waktu tersebut. Apa yang dimaksudkan dengan *jihad al-ṭalab* dengan maksud ini adalah berperang dengan musuh dan mendahului mereka dengan tujuan mendapatkan keamanan sesuatu negara yang dikenali sekarang dengan istilah *al-hurūb al-istibāqiyah* (*preventive war*). Akan tetapi, konsep peperangan ini pada zaman

sekarang digunakan oleh golongan pelampau dan radikal untuk kepentingan peribadi dan difahami dengan pemahaman yang menyeleweng. Natijahnya, apa yang kita dapat lihat pada zaman sekarang dengan lahirnya golongan radikal yang menisbahkan diri mereka kepada agama Islam cuba untuk memancing golongan yang kurang pemahaman mereka terhadap agama untuk menyebarkan agama Islam di negara bukan Islam di atas nama jihad.

al-Hurūb al-Istibāqiyah ini berlaku pada zaman Rasulullah SAW pada perang Khaibar dan perang Tabūk. Untuk mentafsirkan perkara ini, kita perlu melihat kepada keadaan orang Islam pada zaman Nabi SAW dan keadaan masyarakat yang hidup pada zaman tersebut. Adalah tidak logik untuk mempraktikkan perkara ini pada zaman sekarang kerana dunia pada zaman sekarang sudah berubah dan mempunyai undang-undang rasmi yang disepakati oleh semua masyarakat dunia. Pada zaman dahulu, sebagai contohnya, politik yang digunakan oleh Empayar Rom antara negara-negara berjiran dengannya berdiri di atas kaedah:

Setiap negara yang berjiran denganmu perlulah engkau untuk menjatuhkannya. Jika engkau tidak menjatuhkannya, pada suatu hari pasti mereka akan menjatuhkan engkau.

Ini dapat dilihat bagaimana empayar-empayar besar pada zaman dahulu menggunakan kaedah ini sebagai strategi peperangan dan penaklukan. Sebagai contoh, bagaimana berlakunya peperangan menggunakan kaedah yang telah disebutkan antara Empayar Rom dan Empayar Parsi kerana kedua-dua empayar ini adalah dua empayar yang berjiran. Ini adalah apa yang dikenali sebagai undang-undang peperangan pada waktu tersebut (Ahmad al-Tayyib 2016).

JIHAD AL-DAF': HUKUMNYA DAN PERBAHASANNYA

Jihad al-daf' ialah jihad mempertahankan tanah air disebabkan kedatangan musuh dalam keadaan tiba-tiba ke negara Islam. Hukum jihad seperti yang telah disebutkan ialah fardu kifayah. Akan tetapi, kedatangan musuh untuk menakluki negara Islam dan penempatan orang Islam hukumnya ialah fardu ain bagi setiap orang Islam mempertahankan tanah air mereka daripada cengkaman musuh bagi sesiapa yang menghadapi situasi ini.

Oleh yang demikian, ketika mana musuh menyerang negara orang Islam, maka diwajibkan ke atas semua orang Islam keluar untuk mempertahankan tanah air. Pada waktu tersebut (waktu serangan musuh terhadap negara Islam) tidak perlu orang Islam untuk meminta izin daripada pemimpin untuk berjihad. Bahkan pada waktu tersebut, setiap daripada orang Islam perlu untuk mempertahankan diri mereka daripada musuh

dengan apa cara sekalipun. Pada saat ini isteri tidak perlu meminta izin suaminya untuk berjihad, hamba sahaya tidak perlu meminta izin tuanya dan begitu juga rakyat tidak perlu kepada izin pemimpinnya untuk menjaga dirinya daripada serangan musuh dan memerangi mereka (Maulūd al-Sarīf 2023).

Jihad ini boleh diterjemahkan pada pra era kemerdekaan sebagai gerakan rakyat menentang penjajahan pada suatu masa dahulu. Ini adalah berdasarkan makna yang telah disebutkan oleh Sheikh al-Dirdīr al-Mālikī (w.1201H/1786M):

Diwajibkan jihad itu dengan sebab kedatangan musuh ke (negara) sesuatu kaum (Muslimin) dan diwajibkan juga jihad ke atas mereka sama ada perempuan ataupun hamba. Diwajibkan juga ke atas negara Islam yang berada di sebelah negara Islam yang diserang musuh untuk menyekat kemaraan musuh ke negara tersebut jika mereka tidak mampu (untuk menyekat kemaraan musuh) (al-Dusūkī t.th).

Maka, jihad ini seperti yang telah disebut, jika sesebuah negara yang diperangi tidak mampu untuk mempertahankan dirinya daripada musuh, maka hukum fardhu jihad ini akan berubah kepada negara yang berada di sebelahnya. Jika negara jiran tidak mampu untuk mempertahankan negara jirannya yang diperangi musuh, maka kefardhuan jihad ini akan berpindah ke negara sebelah iaitu negara jiran daripada negara Islam yang diserangi musuh. Maka, urutan ini akan berurutan sehingga dipertanggungjawabkan oleh semua negara Islam di dunia ini bagi mempertahankan negara Islam daripada diserang musuh. Kefardhuan ini berubah kerana orang Islam sesama mereka itu ibarat satu bangunan yang satu. Ini seperti yang disabdakan oleh Nabi SAW:

Hubungan orang beriman dengan orang beriman lainnya bagaikan satu bangunan yang binaan (kuat dan utuh) dan saling menguatkan antara satu sama lain maka baginda (Nabi SAW) menggambarkan hubungan kekuatan tersebut dengan menyilangkan jari jemari baginda) (HR al-Bukhārī. 1987. no. 2314).

Imam al-Māzarī meringkaskan konsep *jihad al-daf'* ini dengan berkata:

Jihad (yakni *jihad al-daf'*) menjadi fardu ain (ke atas semua orang Islam) ketika mana orang Islam yang diperangi tidak dapat diselamatkan daripada ancaman musuh kecuali dengan bersatunya semua umat Islam di negara tersebut untuk menjaga negeri-negeri mereka dan melawan musuh mereka. Jika musuh Islam memerangi sesuatu kaum daripada Muslimin dan tidak boleh melawan musuh mereka kecuali dengan

berkumpulnya semua lapisan masyarakat (di sesebuah) negara untuk melawan musuhnya, maka diwajibkan semua ahli negara tersebut untuk berjihad melawan musuh mereka (dan mempertahankan negara mereka). Jika orang di negara tersebut tidak mampu membenteng negara mereka daripada musuh, maka diwajibkan golongan Islam (negara Islam) di sebelahnya untuk memerangi (musuh tersebut) serta diwajibkan negara yang berada berhampiran negara yang diperangi tersebut untuk menolong negara Islam yang diperangi) (Izham Hakimi 2023).

Apa yang telah disebutkan daripada konsep jihad ini, kita boleh lihat bagaimana hukum ini boleh dipraktikkan kepada negara Islam di Palestin pada waktu sekarang yang diserang oleh musuh Islam. Oleh yang demikian, negara-negara Islam wajib bersatu-padu dan berganding bahu dengan segala kekuatan untuk menghentikan keganasan musuh di bumi Palestin serta membantu saudara sesama Islam daripada dibunuh oleh musuh. Ini kerana kewajipan untuk mempertahankan negara Palestin ini sudah menjadi kewajipan negara-negara Islam di dunia. Maka setiap umat Islam bertanggungjawab untuk membantu umat Islam di bumi Palestin dan Gaza dengan apa cara sekalipun sekadar apa yang mampu.

JIHAD DAN IMAM MAHDI: SALAH FAHAM TERHADAPNYA

Antara konsep jihad yang disalah faham pada zaman sekarang adalah pemahaman hadis berkenaan dengan Imam al-Mahdi yang muncul pada akhir zaman bersama tenteranya memerangi al-Dajjāl yang diriwayatkan oleh Thaūbān, Nabi SAW bersabda:

Akan berperang tiga orang di sisi perbendaharaanmu, mereka semua ialah anak Khalifah, tetapi tidak seorang pun antara mereka yang berhasil menguasainya. Kemudian muncullah bendera-bendera hitam dari arah timur, lantas mereka membunuh kamu dengan suatu pembunuhan yang belum pernah dialami oleh kaum sebelummu. Lalu Nabi SAW berkata: (Maka jika kamu melihatnya, berbai'atlah walaupun dengan merangkak di atas salji, kerana dia adalah Khalifah Allah al-Mahdi) (HR al-Hakim. 1990. No. 4832).

Hadis ini juga seringkali menjadi hujah golongan radikal untuk bersiap sedia berperang kerana tidak lama lagi akan muncul Imam Mahdi yang ditunggu dan akan memerangi golongan kafir. Perkara berkenaan dengan Imam Mahdi ialah satu perkara yang benar seperti mana yang telah dikhabarkan oleh Nabi SAW dalam banyak hadis yang sampai peringkat *mutawātir ma'nawī* bagi pendapat majoriti ulama (Ibn al-Siddiq 1347H).

Akan tetapi, mencari siapakah itu Imam Mahdi sebenarnya itu ialah perkara yang samar-samar. Oleh yang demikian, perkara yang bukan samar-samar lagi ialah pemimpin Islam yang wajib untuk ditaati berdasarkan nas al-Quran dan Hadis. Maka pendakwaan jihad bersama Imam Mahdi selalu dijadikan propaganda golongan radikal khususnya di Nusantara secara khususnya untuk mempengaruhi golongan awam yang cetek pemahaman tentang konsep agama. Imam Ahmad Zarrūq (w.899H/1493M) menjawab berkenaan perkara ini dengan berkata:

Pada hakikatnya perkara ini (dalam menyatakan siapa sebenar al-Mahdi itu) perkara yang tidak jelas. Adapun menyibukkan diri (mencari siapa Imam al-Mahdi) maka ia adalah perkara yang berpanjangan kerana ada banyak kesamarannya dan tidak pula diwajibkan ke atas kita untuk mencarinya. Katakanlah jika beliau (Imam al-Mahdi) berada di kota kamu, tidakkah diwajibkan ke atas kamu untuk mentaati pemerintahmu?!. Oleh yang demikian, tidak boleh ke atas kamu keluar daripada ketaatan pemerintahmu dan tidak pula boleh kamu keluar untuk mengikuti dia (al-Mahdi) kerana tanggungjawab kamu adalah mengikuti perintah pemimpinmu. Maka apakah sangkaanmu, sedangkan perkara itu disangka sah pada asalnya tidak diketahui kejadiannya? Punca kepada masalah ini (yakni pendakwaan keluar berperang dan berjihad bersama Imam al-Mahdi pada akhir zaman) adalah keinginan kepada kekuasaan dan kebencian kepada pemimpin. Perkara ini ialah satu tanda cinta kepada dunia. Begitu juga ia merupakan hakikat melakukan perkara sia-sia) (Ahmad Zarrūq 2006).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan dengan apa yang telah disebutkan, jihad disyariatkan adalah untuk menolak serangan musuh dan mempertahankan diri demi suatu keadilan dan kebenaran. Begitu juga, sebelum diizinkan untuk berperang dan ketika dalam peperangan agama Islam telah meletakkan garis panduan yang perlu diikuti. Ini menunjukkan agama Islam mendidik umatnya sifat *al-salām* (keamanan) yang merupakan perkara tonggak dalam agama ini. Dapat disimpulkan bahawa *the ethics of warfare* (etika peperangan) dalam agama Islam jauh sekali berbeza dengan apa yang digambarkan oleh media Barat dan golongan pelampau. Antara garis panduan dan etika peperangan yang diletakkan oleh agama Islam ialah:

1. Etika peperangan dalam Islam konsepnya sangat jelas berkenaan tujuan peperangan dan jihad disyariatkan.

2. Peperangan dan pembunuhan hanya berlaku antara dua golongan pejuang sahaja, adapun orang awam tidak boleh untuk dibunuh dan diperangi seperti golongan kanak-kanak, wanita dan orang tua.
3. Jika golongan musuh inginkan keamanan dan gencatan senjata, maka peperangan serta merta perlu dihentikan supaya mengelakkan pertumpahan darah.
4. Tahanan perang jika ditangkap, maka mereka perlu untuk dijaga dengan baik dan dilayan mereka dengan apa sesuai dengan makna kemanusiaan.
5. Pejuang Islam perlu untuk menjaga alam sekitar dalam peperangan. Oleh yang demikian, diharamkan untuk membunuh haiwan, memotong pokok, merosakkan hasil pertanian, mengotorkan air dan meruntuhkan bangunan kecuali dengan apa yang padanya suatu kemaslahatan.
6. Diharamkan dalam peperangan untuk membunuh golongan pendeta agama dan menghancurkan rumah ibadat mereka (Ali Juma'ah 2007)

Apabila kita melihat garis panduan yang telah disebutkan ini, kita boleh membandingkan dengan apa yang terjadi pada masyarakat Islam di bumi Palestin bagaimana golongan musuh melakukan jenayah peperangan ke atas mereka. Begitu juga, the *ethics of warfare* yang diperkenalkan oleh agama Islam sepertimana yang disebutkan ini pada hakikatnya tiada ada tolok banding dengan mana-mana agama yang lain dan mana-mana undang-undang sivil di dunia serta mana-mana perjanjian antara bangsa kecuali undang-undang Islam yang merupakan undang-undang Tuhan yang benar yang membawa kemaslahatan kepada semua lapisan manusia, bahkan ke seluruh unsur kehidupan di dunia ini.

Antara cadangan yang boleh diutarakan pada akhir penulisan ini ialah suatu kajian perbandingan antara etika peperangan Islam dan etika peperangan golongan ekstrimis pada zaman kini untuk membuktikan bahawa agama Islam ialah agama keamanan dan keadilan, bukan agama peperangan persenjataan dan pembunuhan sepertimana yang telah diperolokkan.

RUJUKAN

Abdul Karīm bin Hawāzin al-Qushairī, *Laṭā'if al-Ishārāt*, Taḥqīq: Ibrahim al-Basyūnī. Mesir: al-Hai'ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah.

Abū ‘Īsā Muhammad bin ‘Īsā bin Saurah at-Tirmīzī. 1998. *Sunan al-Tirmīzī*, Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamī.

- Abu Abdillah al-Ḥākim an-Naisābūrī. 1990. *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥain*, Mustafā Abdul Qadir ‘Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abu Daud, Sulaiman bin al-Ash‘ath al-Sijistānī. 2009. *Sunan Abī Daud*, Shuaib al-Arna‘ūt. Beirut: Dār ar-Risālah al-‘Alamiyyah.
- Abu Ishāq as-Shātībī. 2017. *al-Muwāfaqāt*. Taḥqīq: Dr. Al-Ḥusain Ait Sa‘īd. Maghribi: Manshūrāt al-Bashīr Bin‘aṭīyyah.
- Abū Ja‘far Muhammad bin Jarīr al-Tabārī. 2001. *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl al-Qur‘ān*, Taḥqīq: Abdullah bin Abdul Muhsin at-Turkī. Saudi: Dār Hajr li at-Ṭibā‘ah wa an-Nashr wa at-Tawzī‘ wa al-I‘lān.
- Abū Ja‘far Muhammad bin Jarīr at-Tabārī. 1967. *Tārīkh al-Tabārī*. 2nd ed. Beirut: Dār at-Turāth.
- Abū Nu‘aīm al-Aṣbahānī. 1974. *Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’*. Mesir: Dār al-Sa‘ādah.
- Ahmad al-Tayyib. 2019. *Maḥmūm al-Jihad fī al-Islām*. Emiriah Arab Bersatu: Majlis al-Hukamā’ al-Muslimīn.
- Aḥmad bin Hanbal. 2001. *al-Musnad*. Cetakan Pertama. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Aḥmad ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī. 1347. *al-Murshid al-Mubdī li Fasād Ta’n Ibn Khaldūn fī Aḥādīth al-Mahdī*. Damascus: Maktabat al-Taraqqī.
- Ahmad Zarrūq. 2006. *‘Uddah al-Murīd al-Ṣādiq*, Taḥqīq: aṣ-Ṣādiq bin Abdurrahmān al-Gharyānī. Beirut: Dār Ibnu Ḥazm.
- Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā‘īl. 1987. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2nd ed, Mustafā Dīb al-Bughā. Beirut: Dār Ibnu al-Kathīr.
- Ali Jum‘ah. 2024. *40 Hadis Imam Nawāwī -Sebuah Huraian untuk Dunia Semasa-*, Lajnah Penterjemahan Akedemi Pemikiran Turāth al-Mustanīr, Malaysia: IBDF Ihham Snd. Bhd.
- Ali Juma‘ah. 2007. *al-Jihād fī al-Islām*. Mesir: Nahḍah Miṣr li at- ṭibā‘ah wa Nashr wa at-Tawzī‘.
- At-Ṭabarānī, Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub. 1994. *al-Mu‘jam al-Kabīr*. 2nd ed, Hamdi bin Abdul Majid. Riyadh: Dār aṣ- Ṣumai‘ī.

Fakhruddīn ar-Rāzī. 1906. *Maḥāṭib al-Gaib*. Mesir: al-Matba‘ah al-‘Āmirah.

Ibnu al-Qudāmah. 1968. *al-Mughnī*. Kaherah: Maktabah al-Qāhirah.

Ibnu Mājah, Muhammad bin Yazid al-Qazwīnī. 2009. *Sunan Ibn Mājah*, ed. Shuaib al-Arna‘ūt. Beirut: Dār ar-Risālah al-‘Ālamiyyah.

Izham Hakimi Redzan. 2023. Syarh At-Talqin by Imam Abu Muhammad Abdullah Bin Ali Al-Mazari [d. 536H] -Jihād-Udhiyyah-‘Aqīqah-Ṣāid-Salam Awwal-Ṣarf-Murābahah-Istibrā- Taqdīm wa Taḥqīq. Unpublished tesis, Supervision: Prof. Abdel Hamid Achak, Universiti Al-Quaraouiyine, Institut Dar El-Hadith El-Hassania, Maghribi.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).t.th. Jihad dan konsepnya. chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglefindmkaj/https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/jihad_dan_konsepnya.pdf. [18/06/2024].

Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. Dalam kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggung Ibrahim. Puteri Resort Melaka, 28-29 Mac.

Mohamad Sabri Haron,. 2017. Wealth protection in the context of Maqasid Syariah: Malaysia’s role in realizing the concept of economic jihad. *Jurnal Hadhari Edisi Khas (2017)*: 143-155.

Mohamed Nawab Mohamed Osman & Aida Arosoaie. 2018. Jihad in the bastion of “moderation”: Understanding the Threat of ISIS in Malaysia. *Asian Security* 16 (1): 1-14. DOI: <https://doi.org/10.1080/14799855.2018.1470508>.

Muhammad bin Ahmad bin ‘Arafah Ad-Dusūkī al-Mālikī. t. th. *Hashiyah Ad-Dusūkī ‘Alā As-Sharh al-Kabīr*. Beirut: Dār Fikr.

Munazzamah al-Ta‘āwun al-Islāmi-Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī ad-Daulī. 2021. *Qarār bisha’ni Jihād at-Ṭalab dan Jihad ad-Daf’*. <https://iifa-aifi.org/ar/3979.html> [21 Mei 2024].

Murtaḍā az-Zabīdī. t.th. *Tāj al- ‘Arūs min Jawāir al-Qāmūs*. Damsyik: Dār al-Hidāyah.

Muṣṭafā bin Ḥamzah. 2010. *at-Ta ‘ṣīl al-Shar ‘ī li at-Ta ‘āmul ma ‘a ghair al-Muslimīn*. Maghribi: Majallah al-Majlis.

Sheikh Ahmad al-Tayyib. 2016. *Jihād al-Talab*, al-Halaqah 15. <https://www.youtube.com/watch?v=ov9MGViQDuo> [22 Mei 2024].

Sheikh Maulūd al-Sarīrī. 2023. *Jihād ad-Daf‘ Hukmuhu Wa Ṭuruquhu Wa Ba‘du Shurūṭihī*, Halaqah ke 627 daripada Sharahan kitab Mukhtaṣār al-Khalīl. <https://www.youtube.com/watch?v=YTHAqDIQ5RE> [14 Jun 2024].

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Radin Anis Adlina Radin Hasbani, Mohamad Sabri Haron. 2020. The Relationship Between Love for Humanity and Economic Jihad. *Jurnal Hadhari* 12 (2): 93 - 105.